



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK PENGANUT RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p>BILANGAN KEHADIRAN PENGANUT</p> <p>Langkah Pencegahan Penularan COVID-19</p>	<ul style="list-style-type: none">a) Jawatankuasa pengurusan rumah ibadat hendaklah memastikan semua penganut agama faham dan patuh kepada garis panduan yang disediakan;b) Penganut dan ketua agama yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas tidak dibenarkan hadir. Penganut yang mempunyai masalah seperti kencing manis, kanser dan sebagainya tidak digalakkan hadir;c) Penanda jarak (1 meter) wajib diletakkan di lantai, tidak mudah tanggal dan mudah dilihat; dand) Penganut agama yang berumur 70 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan hadir. Ini tidak melibatkan ketua agama yang memimpin doa.



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK PENGANUT RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
SEBELUM MASUK KE RUMAH IBADAT Langkah Pencegahan Penularan COVID-19	a) Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar rumah ibadat sebelum atau selepas selesai upacara keagamaan.



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK PENGANUT RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
SEMASA BERADA DALAM RUMAH IBADAT Langkah Pencegahan Penularan COVID-19	<ul style="list-style-type: none">a) Penganut agama hendaklah dengan tertib berada di tempat yang telah disediakan oleh jawatankuasa pengurusan rumah ibadat;b) Bilangan kehadiran penganut agama hendaklah tidak melebihi 30 orang atau kurang, tertakluk kepada saiz keluasan rumah ibadat tersebut; danc) Dilarang berkumpul dalam ruang atau dewan beribadat serta patuh kepada SOP yang telah disediakan oleh Kementerian Perpaduan Negara bersama dengan KKM dan MKN.



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK PENGANUT RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
SELEPAS ACARA KEAGAMAAN DALAM RUMAH IBADAT Langkah Pencegahan Penularan COVID-19	<ul style="list-style-type: none">a) Penganut agama hendaklah terus bersurai selepas selesai melaksanakan upacara keagamaan;b) Jangan berebut-rebut masuk ke dalam rumah ibadat dan tidak digalakkan menyentuh pintu;c) Penganut agama perlu bersurai dalam keadaan tenang dan keluar melalui pintu yang ditetapkan secara tertib; dand) Tidak bersentuhan antara satu sama lain sepanjang berada di dalam rumah ibadat.



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p>SEBELUM MASUK KE RUMAH IBADAT</p> <p>Langkah Pencegahan Penularan COVID-19</p>	<ul style="list-style-type: none">a) Kaunter saringan kesihatan hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan menghadkan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas. Penganut dan ketua agama yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celsius dan menunjukkan simptom seperti batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk;b) Semua ahli jawatankuasa pengurusan rumah ibadat, ketua agama dan petugas perlu menjalani saringan kesihatan sebelum memulakan tugas;c) Petugas di kaunter saringan kesihatan juga perlu memastikan para penganut agama membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> dan merekod kehadiran penganut agama;d) Semasa para penganut agama menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial 1 meter mesti dipatuhi;e) Semua ahli jawatankuasa pengurusan rumah ibadat, ketua agama, petugas dan penganut agama diwajibkan memakai penutup hidung dan mulut (<i>face mask</i>) serta memastikan kerap membersihkan tangan (samada dengan air/sabun atau <i>hand sanitizer</i>);



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p>SEBELUM MASUK KE RUMAH IBADAT</p> <p>Langkah Pencegahan Penularan COVID-19</p>	<ul style="list-style-type: none">f) Buku rekod kehadiran (nama, nombor telefon dan alamat emel dihubungi) hendaklah sentiasa dikemaskini dan disemak serta disahkan untuk memastikan pergerakan keluar penganut sentiasa dalam pemantauan jawatankuasa pengurusan rumah ibadat;g) Melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas acara keagamaan (sembahyang) serta disinfeksi sebelum dan selepas beroperasi;h) Secara am, pastikan tempat beribadat adalah mempunyai pengudaraan yang baik;i) Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa dan membersihkan tangan (samada dengan air/sabun atau <i>hand sanitizer</i>);j) Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan menjadi petugas atau ahli jawatankuasa pengurusan rumah ibadat. Petugas atau ahli jawatankuasa pengurusan rumah ibadat hendaklah memastikan setiap penganut agama menunjukkan kad pengenalan diri. Jika gagal, harus diarah pulang;k) Pintu rumah ibadat hanya dibuka untuk penganut mengikut waktu operasi yang telah dipersetujui;l) Segala pemberian upacara perlu dibungkus dan disimpan untuk diambil oleh penganut sendiri;



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p>SEBELUM MASUK KE RUMAH IBADAT</p> <p>Langkah Pencegahan Penularan COVID-19</p>	<ul style="list-style-type: none">m) Menyusun dan menanda kedudukan penganut agama di dalam dewan dan ruang ibadat;n) Petugas hendaklah mengawal pintu masuk dan memantau kehadiran penganut agama ke dalam rumah ibadat;o) Tidak dibenarkan upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan;p) Sebarang penyediaan atau pemberian makanan adalah secara <i>packed-food</i> dan tidak dibenarkan makan di rumah ibadat; danq) Sekiranya ada ahli jawatankuasa termasuk ketua agama didapati demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas, mereka tidak dibenarkan untuk bertugas .



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL UNTUK JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p>SELEPAS ACARA KEAGAMAAN DALAM RUMAH IBADAT</p> <p>Langkah Pencegahan Penularan COVID-19</p>	<ul style="list-style-type: none">a) Rumah ibadat hendaklah ditutup dengan kadar segera bagi mengelakkan penganut agama melengahkan masa dan berkumpul;b) Membuat rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan rumah ibadat untuk memastikan penganut agama telah beredar; danc) Rumah ibadat digalakkan menganjurkan sesi upacara keagamaan secara <i>virtual</i> mengikut kesesuaian dan kemampuan.



AKTIVITI DAN PROTOKOL PENGURUSAN KEMATIAN DI RUMAH

Tindakan	Penerangan Ringkas
Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 (Pengurusan Kematian)	<ul style="list-style-type: none">a) Kehadiran ahli keluarga terdekat si mati hendaklah tidak melebihi 15 orang atau kurang merujuk kepada saiz keluasan lokasi di rumah. Tiada upacara untuk memberi penghormatan terakhir kepada si mati;b) Tuan rumah memastikan butiran diri ahli keluarga terdekat direkod untuk mengesan kontak;c) Semua ahli keluarga sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan sentiasa memakai topeng muka. Ahli keluarga yang berumur 70 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan hadir ke majlis pengebumian;d) Ahli keluarga terdekat yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas, tidak dibenarkan hadir. Begitu juga mereka yang mempunyai masalah kesihatan seperti kencing manis, darah tinggi, lelah, penyakit barah, dan sebagainya, juga tidak dibenarkan hadir;



SEKTOR SOSIAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

AKTIVITI DAN PROTOKOL PENGURUSAN KEMATIAN DI RUMAH

Tindakan	Penerangan Ringkas
Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 (Pengurusan Kematian)	<p>e) Tuan rumah hendaklah memastikan semua ahli keluarga terdekat faham dan patuh kepada garis panduan yang disediakan; dan</p> <p>f) Selepas upacara keagamaan, mayat samada dibakar (<i>cremate</i>) atau ditanam pada hari yang sama dengan diringi keluarga terdekat ke krematorium / tanah perkuburan tidak melebihi 15 orang.</p>
Aplikasi MySejahtera	Pekerja dan penganut memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.